

## Pahang beri diskaun 50 peratus sewa premis PBT

Oleh **Asrol Awang** - Julai 16, 2021 @ 9:29pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



(Gambar fail) Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail. - NSTP/MUHD ASYRAF SAWAL

**KUANTAN:** Kerajaan Pahang memberi diskaun 50 peratus untuk bayaran sewa premis milik pihak berkuasa tempatan (PBT), selama empat bulan bermula Jun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata pemberian diskaun hingga September depan itu akan memanfaatkan 6,237 penyewa, peniaga dan penjaja.

Beliau berkata, perkara itu diputuskan selepas mendapat persetujuan pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri, kelmarin.

Katanya, pemberian diskaun itu bertujuan meringankan beban golongan berkenaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Melalui pemberian diskaun ini, kadar sewa bulanan tertinggi sebanyak RM9,000, hanya perlu dibayar RM4,500.

"Bagi kadar sewa bulanan terendah RM10 untuk petak penjaja di pasar pula, bayaran selepas diskaun ialah RM5," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Wan Rosdy berkata, pemberian diskaun itu mencakupi semua PBT di negeri ini membabitkan hasil kutipan bulanan antara RM1.3 juta hingga RM5.2 juta bagi tempoh empat bulan.

"Inilah pengorbanan besar dilakukan PBT dan diharapkan penyewa, peniaga serta penjaja menghargainya.

"Kerajaan negeri juga berharap pemberian diskaun hingga 50 peratus ini dapat melegakan mereka," katanya.